



PERAK CORPORATION BERHAD
(Registration no.: 199101000605 (210915-U))

POLISI ANTIRASUAH DAN SUAPAN

(Tarikh Berkuatkuasa: 26 November 2025)

CONTENTS

1. PENGENALAN	1
2. ANTIRASUAH DAN ANTISUAPAN	1
3. POLISI PENGURUSAN HADIAH	1
4. LAYANAN DAN HOSPITALITI	2
5. KONFLIK KEPENTINGAN	3
6. DERMA DAN SUMBANGAN POLITIK	4
7. PENAJAAN DAN DERMA KEBAJIKAN	5
8. PROSES PEROLEHAN DAN URUSAN DENGAN PIHAK KETIGA	6
9. BAYARAN PEMUDAHCARA	7
10. URUSAN DENGAN KAKITANGAN KERAJAAN	7
11. PENGURUSAN SURAT SOKONGAN DAN PENGARUH LUAR	8
12. RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA	8
13. PENGAMBILAN DAN PEREKRUTAN	8
14. PENDEDAHAN MAKLUMAT SULIT TANPA KEBENARAN	9
15. TANGGUNGJAWAB PENGARAH, PEKERJA, PIHAK KETIGA BERKAITAN DAN MANA-MANA PIHAK LAIN YANG BERTINDAK UNTUK ATAU MEWAKILI KUMPULAN PERAK CORP	9
16. LATIHAN DAN KOMUNIKASI	9
17. POLISI PEMBERI MAKLUMAT	9
18. PEMATUHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN	10
19. SEMAKAN/PERUBAHAN DOKUMEN	10



1. PENGENALAN

- a) Polisi Antirasuah dan Suapan ("**Polisi ini**") terpakai kepada Perak Corporation Berhad ("**Perak Corp**" atau "**Syarikat**") dan anak-anak syarikatnya (secara kolektif dirujuk sebagai "**Kumpulan Perak Corp**" atau "**Kumpulan**"), kecuali Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya yang mempunyai polisi antirasuah dan suapan tersendiri. Polisi ini menetapkan komitmen Kumpulan untuk menjalankan perniagaan dengan integriti, ketelusan dan akauntabiliti, serta menyediakan panduan mengenai piawaian tingkah laku yang diharapkan daripada semua pekerja dan pihak berkepentingan apabila berhadapan dengan situasi yang melibatkan atau berpotensi melibatkan amalan rasuah atau suapan.
- b) Tujuan Polisi ini adalah untuk memastikan semua individu yang berkaitan dengan Kumpulan Perak Corp memahami dan mematuhi pendekatan toleransi sifar Kumpulan terhadap semua bentuk rasuah dan suapan. Polisi ini tidak bersifat menyeluruh, dan semua individu di semua peringkat, termasuk pengarah, pekerja (sama ada tetap, sementara atau kontrak), dan pihak ketiga berkaitan (iaitu perunding, kontraktor, pembekal, penyedia perkhidmatan, ejen, rakan niaga dan mana-mana pihak lain yang mempunyai obligasi kontrak dengan Kumpulan Perak Corp), serta mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan Perak Corp, hendaklah mematuhi intipati dan prinsip Polisi ini pada setiap masa. Semua pihak dikehendaki menggunakan pertimbangan yang wajar dan mendapatkan penjelasan sekiranya terdapat sebarang keraguan.
- c) Polisi ini hendaklah dibaca bersama Kod Tatakelakuan Kumpulan Perak Corp, Polisi Pemberi Maklumat dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("**SPRM**") 2009 termasuk apa-apa pindaan daripadanya, bagi memastikan pematuhan menyeluruh terhadap undang-undang, peraturan dan amalan tadbir urus yang berkenaan, serta untuk menyediakan tafsiran yang konsisten terhadap istilah, takrifan, kesalahan dan penalti berkaitan rasuah dan suapan.

2. ANTIRASUAH DAN ANTISUAPAN

- a) Kumpulan Perak Corp menegaskan komitmen toleransi sifar terhadap rasuah dan suapan dalam apa jua bentuk, sama ada melibatkan urusan dengan kakitangan awam atau sektor swasta. Semua individu yang berkaitan dengan Kumpulan adalah dilarang sama sekali daripada secara langsung atau tidak langsung menawarkan, memberi, meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan, rasuah atau bayaran tidak wajar yang bertujuan untuk mempengaruhi keputusan berkaitan perniagaan, memperoleh kelebihan yang tidak adil atau mendapatkan layanan istimewa.
- b) Polisi ini juga melarang penggunaan pihak ketiga untuk terlibat atau memudahkan sebarang perbuatan rasuah atau suapan bagi pihak Kumpulan atau mana-mana individu yang berkaitan dengan Kumpulan. Semua transaksi dan interaksi hendaklah dilaksanakan secara terbuka, telus dan mematuhi undang-undang.

3. POLISI PENGURUSAN HADIAH

- a) Dalam Polisi ini, hadiah ditakrifkan sebagai apa-apa barangan, manfaat atau layanan yang mempunyai nilai, yang ditawarkan, diberikan atau diterima, sama ada secara langsung atau tidak langsung, tanpa bayaran atau dengan balasan yang tidak sepatutnya, sebagai tanda niat baik, penghargaan atau untuk memupuk hubungan perniagaan atau profesional. Faedah kebajikan



pekerja yang diperuntukkan melalui polisi dalaman Kumpulan Perak Corp, seperti faedah, elaun atau kelayakan pekerja lain, dikecualikan daripada takrifan hadiah dan tidak tertakluk kepada Polisi ini.

- b) Kumpulan Perak Corp mengamalkan polisi yang melarang pengarah dan pekerjanya daripada meminta, menawarkan atau menerima hadiah kecuali dalam keadaan yang dinyatakan seperti berikut, dengan syarat tiada konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau yang dilihat wujud:
 - i. Barangan promosi atau korporat seperti pen, diari, kalendar atau cenderamata kecil lain yang memaparkan logo syarikat atau penganjur;
 - ii. Plak peringatan, lencana, trofi, hasil kraftangan atau bahan bercetak yang ditukar semasa lawatan rasmi, persidangan, seminar atau acara formal; atau
 - iii. Barangan mudah rosak seperti juadah perayaan, buah-buahan atau barangan kebiasaan yang ditukar semasa musim perayaan atau lawatan ihsan, atau hadiah peringatan atau cenderamata, atau sebarang bentuk penghargaan atau pengiktirafan dalam mana-mana acara rasmi atau sambutan perayaan atau penghargaan.
- c) Sebarang hadiah yang termasuk dalam pengecualian di atas dengan nilai nominal melebihi RM250 hendaklah diisytiharkan dan dilaporkan kepada Unit Integriti dan Governans Perak Corp ("IGU") menggunakan Borang Pengisytiharan Hadiah yang ditetapkan.
- d) Jika hadiah yang tidak dibenarkan diterima secara tidak dijangka, hadiah tersebut hendaklah ditolak atau dipulangkan dengan sopan. Sekiranya pemulangan tidak praktikal, hadiah tersebut hendaklah diisytiharkan dan dilaporkan kepada IGU menggunakan Borang Pengisytiharan Hadiah yang ditetapkan bagi tujuan rekod dan tindakan selanjutnya. Penyimpanan hadiah secara peribadi yang bercanggah dengan had seperti di atas adalah tidak dibenarkan.
- e) Polisi ini mengiktiraf bahawa pemberian tip yang mungkin ditawarkan, khususnya bagi anak-anak syarikat yang terlibat dalam segmen hospitaliti dan pelancongan. Pekerja tidak dibenarkan meminta tip atau memberikan layanan istimewa dengan jangkaan untuk menerima tip. Pemberian kecil yang diberikan secara sukarela sebagai tanda penghargaan boleh diterima sekiranya selaras dengan garis panduan dalaman yang diluluskan dan bernilai nominal. Bagi tujuan Polisi ini, tip dianggap bernilai nominal sekiranya tidak melebihi RM100 bagi setiap pemberian.
- f) Setiap anak syarikat yang berkaitan hendaklah merangka dan melaksanakan garis panduan sendiri yang selaras dengan Polisi ini. Sebarang tip yang luar biasa atau yang melebihi had nilai nominal hendaklah diisytiharkan dan dilaporkan dengan serta-merta kepada penyelia berkaitan dan IGU untuk semakan dan perekodan yang sewajarnya.

4. LAYANAN DAN HOSPITALITI

- a) Polisi ini mengiktiraf bahawa layanan atau hospitaliti yang sederhana boleh menjadi sebahagian daripada hubungan perniagaan yang sah. Walau bagaimanapun, aktiviti sedemikian hendaklah sentiasa dilaksanakan secara bertanggungjawab dan bukan bertujuan untuk memperoleh kelebihan yang tidak wajar.



- b) Semua pemberian atau penerimaan layanan atau hospitaliti hendaklah:
- Untuk tujuan perniagaan yang sah;
 - Bernilai sederhana, tidak kerap dan sesuai dengan keadaan;
 - Tidak melibatkan sebarang perbuatan atau aktiviti yang tidak sopan, tidak beretika atau menyalahi undang-undang; dan
 - Tidak mewujudkan, atau dilihat mewujudkan, sebarang rasa kewajipan, berat sebelah atau pengaruh yang tidak wajar.
- c) Layanan atau hospitaliti yang disediakan oleh atau kepada pihak-pihak yang terlibat dalam proses tender, bidaan atau perolehan dengan Kumpulan adalah dilarang sama sekali dalam situasi berikut:
- Semasa mana-mana peringkat proses tender, bidaan atau perolehan di mana Kumpulan sedang melantik kontraktor, pembekal, perunding atau pihak ketiga lain, Kumpulan, pengarah atau pekerjaannya tidak boleh meminta, atau menerima apa-apa bentuk layanan atau hospitaliti daripada pihak ketiga tersebut; dan
 - Semasa mana-mana peringkat proses tender, bidaan atau perolehan di mana Kumpulan sedang dipertimbangkan untuk dilantik oleh pihak ketiga, Kumpulan, pengarah atau pekerjaannya tidak boleh menawarkan, menjanjikan atau menyediakan apa-apa bentuk layanan atau hospitaliti kepada pihak ketiga tersebut.

5. KONFLIK KEPENTINGAN

- a) Semua pengarah dan pekerja Kumpulan Perak Corp hendaklah mengelakkan, mengisytiharkan dan menguruskan dengan sewajarnya sebarang konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau yang dilihat wujud, selaras dengan Polisi ini dan Kod Tatakelakuan Kumpulan.
- b) Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan seseorang bercanggah, atau secara munasabah dilihat bercanggah, dengan tanggungjawabnya untuk bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan.
- c) Selaras dengan Seksyen 23 (Kesalahan Menggunakan Jawatan atau Kedudukan untuk Suapan) dan Seksyen 17A (Liabiliti Korporat) Akta SPRM 2009, tiada pengarah atau pekerja Kumpulan dibenarkan menyalahgunakan kedudukan mereka atau gagal mengisytiharkan konflik kepentingan bagi tujuan mendapatkan suapan atau kepentingan peribadi. Ini termasuk kepentingan tidak langsung yang dipegang melalui saudara-mara, sekutu, penama atau entiti berkaitan.
- d) Konflik kepentingan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
- Kepentingan kewangan peribadi, saudara-mara atau sekutu dalam entiti yang membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada, bersaing dengan, atau berurusan dengan Kumpulan;
 - Mempunyai pekerjaan sampingan atau jawatan pengarah luar dalam entiti yang mungkin bercanggah dengan kepentingan Kumpulan;
 - Layanan istimewa, nepotisme atau pengaruh tidak wajar dalam perolehan, penganugerahan kontrak, kenaikan pangkat atau pelantikan;
 - Penggunaan sumber, aset, maklumat atau data sulit Kumpulan untuk manfaat peribadi;



- v. Kesyettiaan atau hubungan dengan organisasi luar, persatuan, badan politik atau pertubuhan bukan kerajaan yang boleh menjejaskan ketidakberpihakan;
 - vi. Situasi selepas tamat perkhidmatan (*revolving door*) di mana hubungan terdahulu dengan vendor, pihak berkuasa atau pelanggan boleh mempengaruhi keputusan semasa; dan
 - vii. Penerimaan hadiah, hospitaliti, penajaan atau manfaat yang boleh menjejaskan, atau dilihat menjejaskan, pertimbangan bebas.
- e) Semua pengarah dan pekerja Kumpulan hendaklah:
- i. Mengisytiharkan konflik kepentingan sebelum pelantikan sebagai pengarah atau pekerja;
 - ii. Mengisytiharkan konflik kepentingan dengan serta-merta apabila ia timbul menggunakan Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan yang ditetapkan;
 - iii. Mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan pada permulaan mana-mana mesyuarat, sama ada di peringkat Lembaga Pengarah atau pengurusan, yang melibatkan proses membuat keputusan bagi pembelian barangan atau perolehan perkhidmatan, pelantikan rakan niaga, pengambilan pekerja atau apa-apa keputusan lain berkaitan perkara yang diliputi di bawah Had Kuasa Kumpulan. Pada permulaan mesyuarat tersebut, pengerusi hendaklah mengingatkan ahli untuk mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan, bertindak dengan integriti, tidak berat sebelah dan demi kepentingan terbaik Kumpulan. Pengisytiharan tersebut hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat, dan individu berkenaan hendaklah menarik diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan; atau
 - iv. Mengelakkan daripada membuat keputusan mengenai perkara di bawah *Limits of Authority* Kumpulan yang memerlukan kelulusan individu (i.e., Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Ketua Unit Perniagaan Strategik, Ketua Bahagian dan Pengurus Operasi hotel atau mana-mana jawatan yang setara) sekiranya terdapat atau berkemungkinan wujud konflik kepentingan di peringkat individu.
- f) IGU atau jabatan berkaitan hendaklah menyemak pengisytiharan tersebut dan mengesyorkan langkah mitigasi, yang boleh merangkumi pengecualian daripada keputusan, penugasan semula tugas, sekatan akses kepada maklumat, pelepasan kepentingan atau penamatan kepentingan yang bercanggah.
- g) Sekiranya konflik kepentingan tidak dapat diurus atau dikurangkan dengan sewajarnya, Kumpulan berhak untuk menamatkan penglibatan, kontrak atau hubungan berkenaan.

6. DERMA DAN SUMBANGAN POLITIK

- a) Kumpulan Perak Corp tidak membuat sebarang derma atau sumbangan politik, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana parti politik, organisasi atau individu yang terlibat dalam aktiviti politik, sama ada dalam bentuk wang tunai, barangan atau apa-apa bentuk lain di Malaysia atau di mana-mana negara lain di mana Kumpulan beroperasi.
- b) Kumpulan Perak Corp, pengarah dan pekerjaanya dilarang daripada menawarkan, menjanjikan atau memberikan sebarang bentuk derma atau sumbangan politik dengan tujuan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan, mendapatkan kelebihan yang tidak wajar atau mempengaruhi sebarang proses membuat keputusan.



- c) Derma dan sumbangan politik termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. Membayar iklan atau apa-apa perbelanjaan lain yang berkaitan dengan kempen politik;
 - ii. Membeli meja jamuan, tiket atau penajaan bagi acara pengumpulan dana yang dianjurkan oleh parti politik;
 - iii. Meminjamkan pekerja, masa kakitangan atau sumber syarikat untuk menyokong acara atau aktiviti politik; atau
 - iv. Menyediakan sokongan dalam bentuk barangan, kerja sukarela, memudahkan kempen atau penggunaan aset syarikat bagi tujuan politik.
- d) Sebarang permintaan atau kutipan derma atau sumbangan politik yang diterima oleh pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan hendaklah ditolak dengan sopan.
- e) Walau bagaimanapun, pengarah dan pekerja Kumpulan yang memilih untuk menyumbangkan masa, wang atau sumber lain mereka secara peribadi kepada mana-mana parti politik, organisasi, aktiviti atau dana adalah dianggap berbuat demikian sepenuhnya atas inisiatif sendiri, dalam kapasiti peribadi dan sukarela, serta tidak mewujudkan konflik kepentingan, tidak menimbulkan persepsi salah laku dan tidak melibatkan penggunaan sumber, pengaruh atau nama Kumpulan dalam apa jua cara.

7. PENAJAAN DAN DERMA KEBAJIKAN

- a) Kumpulan Perak Corp mengiktiraf bahawa penajaan dan derma kebajikan boleh memberi sumbangan kepada pembangunan komuniti dan tanggungjawab sosial korporat. Walau bagaimanapun, sumbangan tersebut hendaklah dibuat secara telus, bertanggungjawab dan bagi tujuan yang sah selaras dengan nilai dan *Limits of Authority* Kumpulan.
- b) Penajaan dan derma kebajikan, sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan, tidak boleh digunakan sebagai cara untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan, mendapatkan kelebihan yang tidak wajar atau mempengaruhi proses membuat keputusan mana-mana individu atau organisasi. Sebarang penajaan atau derma yang diberikan atau diterima dalam keadaan sedemikian boleh dianggap sebagai suapan di bawah Akta SPRM 2009.
- c) Kumpulan Perak Corp, pengarah dan pekerjaanya hendaklah memastikan bahawa sebarang penajaan atau derma kebajikan:
 - i. Tidak diminta, ditawarkan atau diterima daripada vendor, pembekal, kontraktor, rakan niaga atau pihak ketiga berkaitan lain;
 - ii. Tidak digunakan sebagai helah untuk rasuah, suapan atau apa-apa perbuatan tidak wajar yang dilarang di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan;
 - iii. Tertakluk kepada usaha wajar yang sewajarnya bagi mengesahkan bahawa penerima adalah organisasi yang sah dan bereputasi, serta bahawa dana, barangan atau perkhidmatan akan digunakan bagi tujuan yang dinyatakan dan sah;



- iv. Tidak disalurkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana kakitangan kerajaan, pihak berkuasa, ahli politik atau saudara-mara atau sekutu mereka; dan
 - v. Tidak diminta, ditawarkan atau diterima dalam kapasiti peribadi yang boleh mewujudkan konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau yang dilihat wujud.
- d) Polisi ini memperakui bahawa dalam urusan perniagaan, khususnya dalam segmen hospitaliti dan pelancongan, penajaan secara *in-kind* yang mungkin diberikan sesama pengusaha hotel, seperti penginapan hotel, penggunaan tempat atau perkhidmatan berkaitan. Penajaan sedemikian hanya dibenarkan tertakluk kepada syarat berikut:
- i. Penajaan dibuat dengan niat baik bagi tujuan perniagaan atau komuniti yang sah, seperti acara rasmi, program pendidikan atau tujuan kebajikan;
 - ii. Nilai barangan adalah munasabah, seimbang dan tidak berlebihan berbanding dengan acara atau tujuan tersebut;
 - iii. Semua transaksi penajaan secara *in-kind* diisytiharkan menggunakan Borang Pengisytiharan Penajaan yang ditetapkan, diluluskan selaras dengan *Limits of Authority* Kumpulan dan direkodkan dalam Rekod Penajaan;
 - iv. Tiada penajaan boleh diberikan atau diterima daripada pihak yang terlibat dalam sebarang proses perolehan, tender atau bidaan kompetitif dengan Kumpulan; dan
 - v. Dalam apa jua keadaan, penajaan sedemikian tidak boleh diberikan kepada mana-mana kakitangan kerajaan, pihak berkuasa, ahli politik, termasuk saudara-mara atau sekutu mereka.
- e) Semua penajaan dan derma kebajikan hendaklah disokong oleh dokumentasi yang sewajarnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada permohonan rasmi, borang kelulusan, kontrak perjanjian, resit dan bukti penyaluran atau pemberian manfaat.
- f) Walau bagaimanapun, pengarah dan pekerja Kumpulan yang memilih untuk menyumbangkan masa, wang atau sumber lain secara peribadi kepada mana-mana badan penajaan atau kebajikan adalah dianggap berbuat demikian sepenuhnya atas inisiatif sendiri, dalam kapasiti peribadi dan sukarela, serta tidak mewujudkan konflik kepentingan, tidak menimbulkan persepsi salah laku dan tidak melibatkan penggunaan sumber, pengaruh atau nama Kumpulan dalam apa jua cara.

8. PROSES PEROLEHAN DAN URUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

- a) Kumpulan Perak Corp hendaklah mengelakkan urusan dengan mana-mana vendor, pembekal, kontraktor, rakan niaga atau pihak ketiga berkaitan lain yang disyaki terlibat dalam amalan rasuah. Semua aktiviti perolehan hendaklah dilaksanakan selaras dengan polisi dan prosedur perolehan Kumpulan yang berkenaan.
- b) Kumpulan Perak Corp hendaklah menjalankan semakan latar belakang, reputasi dan integriti mana-mana pihak ketiga sebelum memeterai sebarang pengaturan atau penglibatan, bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian yang boleh diterima dalam menjalankan perniagaan.
- c) Kumpulan Perak Corp hendaklah menjalankan semakan berkala ke atas pihak ketiga berkaitan bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap Polisi ini dan undang-undang yang berkenaan.



- d) Jika pada bila-bila masa semasa semakan latar belakang atau dalam urusan dengan pihak ketiga terdapat konflik kepentingan atau *red flags* dikenal pasti, perkara tersebut memerlukan siasatan lanjut dan hendaklah ditangani dengan sewajarnya sebelum sebarang penglibatan diteruskan.
- e) Kumpulan Perak Corp hendaklah memastikan semua pihak ketiga yang terlibat dalam apa jua bentuk hubungan perniagaan dengan Kumpulan Perak Corp secara rasmi mengakui dan berkomitmen untuk mematuhi keperluan Polisi ini. Pematuhan tersebut hendaklah dikuatkuasakan melalui peruntukan klausa yang jelas dalam semua kontrak, perjanjian dan dokumentasi berkaitan, dan kegagalan untuk mematuhi boleh mengakibatkan penamatan penglibatan atau tindakan lain yang bersesuaian.

9. BAYARAN PEMUDAHCARA

- a) Kumpulan Perak Corp melarang sama sekali pemberian, penawaran atau penerimaan bayaran pemudahcara. Bayaran pemudahcara merujuk kepada apa-apa bayaran tidak rasmi atau tidak wajar yang dibuat kepada mana-mana kakitangan kerajaan, pihak berkuasa, ahli politik, termasuk saudara-mara atau sekutu mereka bagi tujuan mendapatkan, mempercepatkan atau mempengaruhi pelaksanaan sesuatu tindakan kerajaan, pengawalseliaan atau pentadbiran yang rutin.
- b) Bayaran sedemikian dianggap sebagai suapan di bawah Akta SPRM 2009 dan boleh merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 serta peruntukan lain yang berkaitan dalam Akta SPRM 2009. Pemberian atau penerimaan bayaran pemudahcara boleh mendedahkan individu dan Kumpulan kepada liabiliti jenayah atau korporat, termasuk denda dan penjara.
- c) Kumpulan Perak Corp, pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan hendaklah memastikan bahawa:
 - i. Tiada bayaran pemudahcara, sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan, ditawarkan, diberikan, diminta atau diterima berkaitan dengan sebarang aktiviti perniagaan Kumpulan Perak Corp;
 - ii. Tiada cubaan dibuat untuk menyembunyikan bayaran pemudahcara dalam bentuk perbelanjaan yang sah, yuran perkhidmatan atau kos pentadbiran;
 - iii. Sebarang permintaan atau tuntutan bayaran pemudahcara hendaklah ditolak dan dilaporkan dengan serta-merta kepada IGU; dan
 - iv. Kerjasama penuh diberikan terhadap sebarang siasatan atau semakan dalaman yang dijalankan oleh IGU atau pihak berkuasa berkaitan berhubung perkara tersebut.

10. URUSAN DENGAN KAKITANGAN KERAJAAN

- a) Dalam usaha mengekalkan hubungan yang telus dan adil dengan agensi kerajaan dan kakitangan awam, Kumpulan, pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan hendaklah berhati-hati dan mengambil segala langkah munasabah untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan rasuah dan suapan di Malaysia dan di semua negara di mana Kumpulan beroperasi.



11. PENGURUSAN SURAT SOKONGAN DAN PENGARUH LUAR

- a) Surat sokongan merujuk kepada apa-apa komunikasi bertulis atau lisan yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi proses membuat keputusan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, surat, memo, minit, e-mel, SMS, WhatsApp, perbualan lisan, panggilan telefon dan apa-apa bentuk komunikasi lain. Pengaruh luar pula ditakrifkan sebagai apa-apa bentuk tekanan atau tuntutan, sama ada secara lisan, bukan lisan atau dalam apa-apa bentuk lain, yang dikenakan ke atas pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan oleh individu yang berpengaruh dengan tujuan untuk mempengaruhi proses membuat keputusan.
- b) Kumpulan Perak Corp, pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan adalah dilarang daripada menggunakan atau mengeluarkan surat sokongan, atau mendapatkan atau menerima pengaruh luar, bagi memperoleh kelebihan yang tidak adil dengan tujuan untuk mempengaruhi proses membuat keputusan.
- c) Sekiranya mana-mana surat sokongan atau permintaan luar yang boleh ditafsirkan sebagai percubaan untuk mempengaruhi proses membuat keputusan diterima, dokumen atau permintaan tersebut hendaklah dilaporkan dengan serta-merta kepada IGU untuk tindakan lanjut.

12. RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA

- a) Selaras dengan komitmen Kumpulan Perak Corp untuk mencegah sebarang bentuk rasuah dan aktiviti jenayah yang melibatkan pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan, Kumpulan juga komited untuk melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan atau polisi dalaman yang melibatkan individu tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan.
- b) Sekiranya berlaku salah laku utama termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, rasuah, kecurian, penyalahgunaan dana syarikat, pelanggaran undang-undang, pemalsuan penyata kewangan dan apa-apa bentuk salah laku lain seperti yang diperuntukkan di bawah Akta SPRM 2009, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa yang sesuai untuk tindakan lanjut.
- c) Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak menghalang mana-mana pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan daripada membuat laporan secara langsung kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam kapasiti peribadi mereka.

13. PENGAMBILAN DAN PEREKRUTAN

- a) Proses pengambilan, latihan, penilaian prestasi, ganjaran, pengiktirafan dan kenaikan pangkat Kumpulan Perak Corp hendaklah dirangka dan dikemas kini secara berkala bagi memberi penekanan kepada integriti dan memastikan selaras dengan amalan terbaik antirasuah.
- b) Kumpulan Perak Corp hendaklah menjalankan semakan latar belakang yang menyeluruh ke atas semua kakitangan baharu berhubung sebarang pertuduhan, sabitan atau pelanggaran berkaitan rasuah sebelum pengambilan. Pengambilan pekerja hendaklah berdasarkan kriteria pemilihan yang



diluluskan bagi memastikan hanya individu yang paling berkecuali, sesuai dan beretika diambil bekerja. Perkara ini adalah penting bagi memastikan tiada unsur rasuah, suapan atau salah laku terlibat dalam proses pengambilan.

- c) Selaras dengan perkara ini, semakan latar belakang yang lebih terperinci hendaklah dijalankan ke atas calon bagi jawatan pengurusan dan peranan lain yang mempunyai kuasa membuat keputusan, memandangkan mereka dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab yang boleh menjejaskan obligasi pematuan dan tadbir urus Kumpulan.

14. PENDEDAHAN MAKLUMAT SULIT TANPA KEBENARAN

- a) Kumpulan Perak Corp melarang sebarang pendedahan maklumat sulit tanpa kebenaran serta penggunaan maklumat milik Kumpulan tanpa kebenaran.

15. TANGGUNGJAWAB PENGARAH, PEKERJA, PIHAK KETIGA BERKAITAN DAN MANA-MANA PIHAK LAIN YANG BERTINDAK UNTUK ATAU MEWAKILI KUMPULAN PERAK CORP

- a) Semua pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan Perak Corp bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi Polisi ini.
- b) Secara khususnya, tanggungjawab utama termasuk:
 - i. Memahami keperluan dan arahan Polisi ini;
 - ii. Melaporkan transaksi yang mencurigakan kepada pihak berkaitan untuk mendapatkan panduan bagi tindakan selanjutnya;
 - iii. Melaporkan dengan segera sebarang pelanggaran yang telah terjadi atau disyakimelalui saluran yang sesuai; dan
 - iv. Mendapatkan penjelasan daripada IGU mengenai mana-mana aspek Polisi ini yang tidak jelas atau memerlukan panduan lanjut.

16. LATIHAN DAN KOMUNIKASI

- a) Latihan yang mencukupi mengenai Polisi ini hendaklah disediakan dan disampaikan kepada semua kakitangan, termasuk pihak ketiga berkaitan, secara berkala bagi memastikan kesedaran, pemahaman dan pematuan berterusan terhadap Polisi ini.
- b) IGU hendaklah memantau keberkesanan program latihan dan komunikasi serta memastikan pematuan terhadap Polisi ini disemak dan disahkan secara berkala melalui semakan audit berkala bagi memberikan jaminan bahawa keperluan Polisi ini dilaksanakan secara konsisten di seluruh Kumpulan.

17. POLISI PEMBERI MAKLUMAT

- a) Mana-mana pengarah, pekerja, pihak ketiga berkaitan dan mana-mana pihak lain yang bertindak untuk atau mewakili Kumpulan Perak Corp yang menyedari atau mengesyaki sebarang perbuatan rasuah, suapan, salah laku atau pelanggaran Polisi ini adalah disarankan untuk melaporkan perkara tersebut melalui saluran pemberi maklumat yang ditetapkan oleh Kumpulan.



18. PEMATUHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

- a) Kumpulan Perak Corp komited untuk sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan dan ketetapan pihak berkuasa yang berkenaan di semua negara di mana Kumpulan beroperasi. Langkah yang sesuai dan munasabah hendaklah diambil bagi memastikan pematuhan terhadap Polisi ini, termasuk apa-apa pindaan daripadanya.

19. SEMAKAN/PERUBAHAN DOKUMEN

- a) Polisi ini akan dikemas kini, dipinda atau disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan kecukupan pelaksanaannya dan penguatkuasaannya.